

**Bil. 8**

**Rabu**

**27 Mac 2019**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Pengecilan Saiz Penjawat Awam**  
- *YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)*

[Halaman 1]

**MALAYSIA**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Rabu, 27 Mac 2019**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**  
**DOA**  
*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)*  
*mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Pengecilan Saiz Penjawat Awam**

**2.37 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Soalan saya hari ini adalah pertanyaan mengenai pengecilan saiz penjawat awam Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kenyataan Perdana Menteri baru-baru ini, kerajaan mungkin akan mempertimbangkan untuk mengecilkan saiz perkhidmatan awam di masa akan datang memandangkan menurut Perdana Menteri, bilangan 1.7 juta penjawat awam adalah membebankan kerajaan.

Soalan saya, berdasarkan ulasan Perdana Menteri, adakah ini bermakna Jabatan Perkhidmatan Awam akan membekukan pengambilan penjawat awam buat seketika atau terdapat sebarang pekeliling mengenai pengurangan jumlah pengambilan penjawat awam bagi tahun semasa?

Soalan yang kedua, berdasarkan matlamat kerajaan untuk mengecilkan saiz perkhidmatan awam, berapakah jumlah kos yang boleh dikurangkan melalui dasar penjimatan ini dan berapakah jumlah pengurangan pencen yang akan dianggar dapat dijimatkan?

Soalan yang ketiga, selain daripada lantikan politik, jawatan apakah yang dianggap boleh dikurangkan dan adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menswastakan beberapa agensi kerajaan sebagai satu usaha merancakkan sektor ekonomi? Jika ya, apakah agensi-agensi yang berpotensi tersebut? Sekian, terima kasih.

**2.39 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar menjadi kebimbangan sejak sekian lama kerana ia meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan, sekali gus mengecilkan peruntukan perbelanjaan pembangunan.

Sekiranya tidak dikawal, kos perbelanjaan mengurus ini akan memakan sebahagian besar daripada belanjawan negara setiap tahun serta mengakibatkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan berikutan ketidakmampuan kerajaan berbelanja untuk projek-projek pembangunan yang boleh menjana kesan berganda kepada pertumbuhan ekonomi dan sosial negara.

**■1440**

Kerajaan tidak membekukan pengambilan penjawat awam pada masa ini bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan tidak terjejas dengan pelaksanaan dasar kawalan saiz perkhidmatan awam. Pengurangan saiz perkhidmatan awam bermaksud pengurangan jumlah perjawatan keseluruhan yang tidak diperlukan merangkumi perkhidmatan awam persekutuan, badan berkanun persekutuan, perkhidmatan awam negeri, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan. Pengurangan saiz perkhidmatan awam tidak bermakna penjawat awam akan ditamatkan kontrak dan diberhentikan kerja.

Sektor utama yang memberi perkhidmatan secara terus kepada rakyat seperti sektor kesihatan, pendidikan dan keselamatan tidak akan terjejas dengan pelaksanaan dasar ini. Buat masa ini, kerajaan tidak mengeluarkan pekeliling mengenai pengurangan jumlah pengambilan penjawat awam memandangkan dasar kawalan saiz ini tidak melibatkan pembekuan pengambilan penjawat awam.

Melalui dasar kawalan saiz perkhidmatan awam, kerajaan dijangka dapat mengurangkan perbelanjaan emolumen sehingga RM2.18 bilion bagi tahun 2019 dan pengurangan penjimatan pencen dianggarkan sebanyak RM490 juta. Dengan perkembangan teknologi terkini, kerajaan percaya perkhidmatan awam akan lebih produktif apabila pertindihan fungsi dapat dikurangkan, pembaziran dielakkan, pengagihan sumber dilaksanakan dengan cekap dan juga tenaga diganti dengan penggunaan teknologi.

Kerajaan dalam proses untuk menstruktur semula jumlah perjawatan dalam perkhidmatan awam berdasarkan kedudukan ekonomi negara dan perkembangan teknologi semasa melalui pelbagai kaedah, antaranya:

- (i) kajian pertindihan fungsi antara jabatan dan juga agensi;
- (ii) rasionalisasi perjawatan;
- (iii) pengoptimuman sumber manusia;
- (iv) serah urus fungsi (*outsourcing*);
- (v) penyampaian perkhidmatan alternatif (*alternative service delivery*);  
dan
- (vi) penswastaan, gabungan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan.

Berdasarkan kaedah tersebut, jawatan yang tidak diperlukan dapat dimansuhkan, sekali gus dapat mengoptimumkan sumber manusia dalam sektor awam.

Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Penswastaan pada tahun 1983 yang telah menyentuh peranan pihak swasta dalam pembangunan negara. Melalui dasar ini, kerajaan berjaya mengurangkan bebanan kewangannya, meninggikan kecekapan dan penghasilan kerja, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembahagian sumber secara cekap. Ini dapat dilihat contohnya melalui kejayaan penswastaan Telekom. Kakitangan Telekom dipindahkan ke syarikat swasta dan hal ini dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara selain sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat ditingkatkan.

Sehubungan itu, kerajaan sedang mengkaji dan mengenal pasti mana-mana agensi kerajaan yang berpotensi untuk diswastakan bagi mengurangkan peningkatan perbelanjaan kerajaan dan merencanakan sektor swasta. Buat masa ini senarai agensi masih belum dimuktamadkan, mengambil kira pelbagai faktor yang perlu dikaji secara menyeluruh dan implikasi terhadap perkhidmatan awam. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 28 Mac 2019.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.43 petang]***